



BERSAMA MASYARAKAT: Peserta program Kerja Sosial bergambar bersama masyarakat Kampung Bungkud.

Program komuniti memberi pendedahan kepada mahasiswa

UB 03.02.2023 P.06

RANAU: Program Komuniti bersama Masyarakat Kampung Bongkud, Ranau, berjaya memberikan pendedahan kepada 38 pelajar Program Kerja Sosial, Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang menjalankan aktiviti bagi memenuhi keperluan kursus mereka.

Pengarah Program, Echilis Ansie Anak Manggang berkata selain menuhi keperluan kursus Praktis Kerja Sosial III: Komuniti dan Organisasi, program itu juga bagi memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai kepelbagaiannya suku kaum yang terlibat di Sabah dalam memupuk semangat kemasyarakatan.

“Mereka juga berpeluang mempraktikkan setiap kemahiran yang dipelajari dalam Praktis Kerja Sosial Komuniti dan Organisasi di lapangan dan

mengenal pasti masalah atau isu-isu yang sering dihadapi oleh komuniti,” katanya.

Kira-kira 50 penduduk kampung menghadiri program itu yang dirasmikan Pengerusi Gabungan Belia Ranau, Syukri Saradih.

Turut serta dalam program itu ialah Pensyarah Subjek Praktis Komuniti: Dr. Wanda Kiyah Anak George Albert merangkap Ketua Program Kerja Sosial, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS dan Timbalan Pengarah, Lhys Kathleen Justinus.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah ceramah yang disampaikan oleh Pelajar Tahun 3 Kerja Sosial UMS, Roger Vijay George bertajuk Pengenalan kepada Kerja Sosial, ceramah Pegawai Perubatan Pejabat Kesihatan Ranau, Dr Filzah Atikah Johamin bertajuk ‘Tanpa Aedes, Tiada Denggi’ dan

ceramah Ketua Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Queen Elizabeth, Maisarah Hamdan bertajuk Perkhidmatan Sosial dalam Setting Perubatan.

Turut diadakan ialah aktiviti sukaneka dan tarik tali bersama penduduk kampung, mengacat papan tanda dan luaran Mini Dewan Guntab Kampung Bongkud dan aktiviti FGD (Focus Group Discussion) iaitu pengenalan-pastian isu/masalah sosial dan infrastruktur yang dihadapi oleh komuniti Kampung Bongkud.

Program juga diserikan dengan majlis kebudayaan yang diisi dengan pertandingan karaoke, cabutan bertuah, persembahan tarian Magunatip daripada wakil belia Kampung Bongkud dan persembahan Tarian Igal-igal daripada wakil Pelajar UMS.